

# DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGI KAMI

November 24, 2012

## Isu-Isu Dibangkit Adun Bangi Dalam Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa Dewan Negeri

Dewan Negeri Selangor, Shah Alam, 09 Muharram 1434 = 23 November 2012 (Jumaat):



Mesyuarat Dewan Negeri Selangor pada peringkat Jawatankuasa memperuntukkan 3 jam pada petang ini (2.30-5.30) untuk ahli-ahli Dewan mengutarakan isu-isu berhubung dengan Belanjawan 2013 yang telah dibentangkan. Seseorang yang mendapat peluang diberi masa sebanyak 20 minit untuk membangkitkan isu-isu berhubung.

Adun Bangi salah seorang yang diberi peluang oleh Tuan Pengerusi (Tuan Speaker) berucap di dalam Mesyuarat Pada Peringkat Jawatankuasa. Di dalam ucapannya Adun Bangi merujuk kepada Vot BO1 Butiran 505000. Adun Bangi bercadang menyentuh 3 isu:

- 1) Bil. 18 Di Bawah Jawatankuasa Tetap Luar Bandar
- 2) Bil. 15 Di Bawah Jawatankuasa Infra-Struktur Dan Kemudahan Awam
- 3) Bi. 32 Di Bawah Jawatankuasa Tetap Perumahan.

Di bawah Bil. 18, Adun membangkitkan persoalan banjir yang banyak membawa kerosakan dan kerugian yang berlaku secara bersiri, tetapi berlainan masa dan tempat:

- a) Pertengahan April 2012 banjir berlaku secara teruk di Hulu Langat yang merosakkan rumah, jalan dan harta.
- b) 4 September 2012 Banjir berlaku di Sungai Ramal Luar (Air melintas highway Plus hadapan Country Height & UPM – haling laluan) dan Sungai Ramal Dalam juga Seri Serdang yang juga memusnahkan rumah dan barangan.
- c) 5 November banjir berlaku di Sepang dan Bukit Changgang, Kuala Langat
- d) 11 November 2012 Banjir di Pekan Bangi dan Jalan Reko
- e) 16 November 2012 Banjir di Jalan Reko.

Akibat dari hujan berlaku Tanah Runtuh seperti di Bukit Mewah, Kajang Baru, Jalan Reko dan Kampong Bahagia, Pekan Bangi. Adun mau tahu apakah tindakan yang diambil. Bilakah sebenarnya tanah runtuh di Kajang Baru mau dibaiki yang dikatakan peruntukan sudah ada itu?


YAB Tan Sri Dato` Seri Abdul Khalid Ibrahim menjawab dan meminta kepada pihak Pejabat Daerah dan MPKJ mengambil perhatian. YAB juga berjanji untuk memanggil Pertemuan Pegawai-Pegawai Daerah, Ahli-Ahli MPKJ, jurutera, penghulu dan Ketua-Ketua Kampong untuk membincangkan masalah-masalah.

Di Bawah Bil. 15 Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan kemudahan Awam.

ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 9 5 0 3 5  
3

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~



~TEORI TAKMILAH~

Adun mengucapkan terima kasih kerana melalui Grand Selangor dan Peruntukan MARIS, maka hampir semua kawasan yang ditunjuk oleh Adun baik di kampung, Desa, pekan dan taman menerima peruntukan dan pembaikan jalan. Misalnya Sungai Ramal Dalam mendapat pembaikan jalan dari Seksyen 8 Bandar Baru Bangi hingga hampir ke Stesyen Shell di Sungai Ramal Luar. Sungai Ramal Dalam juga mendapat jalan baru, 8 batang jalan kampung ditarkan. Terima kasih kepada penduduk yang menaikkan postar terima kasih kepada Adun Bangi dan Kerajaan Negeri Selangor di atas pembinaan jalan-jalan berkenaan. Kampung-kampung lain juga menerima penurapan jalan. Misalnya Kampung Bangi dan Kampung Bahagia yang antaranya penurapan sampai ke hujung, walaupun untuk sebuah rumah.

Adun berterima kasih janji JKR akan membina jalan dua hala dari Jalan Reko ke Hujung Jalan UKM bagi fasa pertama, walau bagaimana tarikh sebenar bagi Jalan dua hala Fasa Pertama dari Jalan Reko ke penghabisan pagar UKM belum diketahui walaupun dikatakan tender sudah dikeluarkan dan untuk Fasa 2 dari UKM ke Pekan Bangi berikut dari itu. Adun harap segera dibina. Terima kasih juga kepada pihak JKR yang menanam 70 batang tiang lampu dari UKM ke Pekan Bangi. Tapi pasang tiang saja tidak bermakna tanpa adanya api. Setakat ini 3 daripada 70 batang yang dipasang telah rosak dilanggar kenderaan. Sebab itu Adun minta pihak JKR serta memasang wayar dan diharap api segera diadakan. Adun juga mengharapkan jalan dari Seksyen 9 Bandar Baru Bangi ke Tol Kajang perlu dibaiki dan dinaiktaraf. Kerosakan amat ketara setelah musim hujan dan amat tidak selesa digunakan.

YAB Dato` Menteri Besar Selangor menyatakan terima kasih pada Adun yang prihatin terhadap kerosakan jalan dan beliau minta pihak JKR, termasuk pejabat Daerah Hulu Langat dan MPKj ambil tindakan berhubung dengan masalah yang dibangkitkan.

Adun mahu meneruskan bagi No. 32, Jawatankuasa Tetap Perumahan, tetapi masa 20 minit yang diperuntukkan kepada Adun tidak cukup dan habis.

Adun Bangi mau membangkitkan tentang rumah pangsa terbenkakai di Sungai Tangkas, masalah perumahan di Cyber Tel yang terbiar, serta bantuan kepada pembinaan 9 kedai yang terbakar di Pekan Bangi dan sekarang dalam pembinaan (Walaupun bagaimana perkara ini telah dibangkitkan sebelumnya dan surat memohon bantuan bagi pembinaan kembali kedai terbakar telah dibuat kepada Exco Perumahan). Adun memohon dipertimbangkan bantuan. Sesungguhnya Adun juga mengucapkan terima kasih kerana pihak Kerajaan Negeri Pakatan meluluskan pemilihan tanah, 30 lot di Jalan Reko, 50 lot di Kampung Bahagia, 4 lot di Kampung Sungai Ramal Dalam, Adun juga mengharapkan kelulusan segera bagi permohonan tanah penduduk Kampung Bangi yang berjumlah 70 lot itu.

Sekian.


ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [7:23 AM](#)

## 1 comment:

**Anonymous** November 24, 2012 at 7:18 PM

As a resident of Jalan Bukit, Kajang I would like to inform these problems. Jln Bukit has many housing estates, schools, 2 kindergardens, colleges (inclusive of those in TKS) and KTM. So please imagine the amount of pedestrians that uses this road morning until night. From KTM to Kajang town (Bus Stand), it's about 1/2 km (15 minutes). Please take note that from KTM to the shops opposite the church, there is no shelter at all. If it rains, all these school students and pedestrians will be totally wet. When it's hot, they will be under the hot sun. There are a lot of street lights but only a few are on. So it's very dangerous to walk along this road in the early morning and at night - usually college students and working people. Please drop by to Jalan Bukit to assess for your kindself what needs to be done urgently. To me an COVER WALKWAY is the most important and STREET LIGHTS.

Reply

 Comment as: Syahrul Sazli S ▼

[Newer Post](#)


[Home](#)

[Older Post](#)


Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)




~PUNCAK RINDU~  
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~  
Himpunan penyertaan Pertandingan Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar Ilmu 2012



~BANGI BANDAR ILMU~



Shafie Abu Bakar  
Majlis Perundangan, Pengajaran dan Penyelidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia